



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

LAWATAN TAPAK PENYELIDIK UiTM KE MEDAN NIAGA SATOK (MNS)

Penulis: Siti Farah Lajim, Agnes Kanyan, Dr. Yusman Yacob, dan Dr. Francesca Enchang

Pada 26 Julai 2025, pasukan penyelidik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan lawatan tapak ke Medan Niaga Satok (MNS) dengan kerjasama pihak FAMA Sarawak. Lawatan ini merupakan persediaan awal bagi Kajian Penilaian Prestasi dan Kepuasan Pelanggan di MNS yang dijadualkan berlangsung pada Ogos 2025. Pasukan penyelidik ini diketuai oleh Dr. Yusman Yacob, dengan ahli pasukan terdiri daripada Puan Agnes Kanyan, Puan Siti Farah Lajim, dan Dr. Francesca Enchang. Delegasi FAMA turut diwakili oleh tiga orang staf dari organisasi tersebut.



Sepanjang lawatan, pasukan telah meninjau lima blok utama di MNS iaitu Blok A (Pasar Tani Kekal), Blok B (Pasar Basah), Blok C (Pasar Kering), Blok D (Plaza) dan Blok E (Benteng). Pihak FAMA turut menyerahkan senarai 48 vendor yang bakal menjadi informan kajian, di samping menyediakan ruang temu bual dan diskusi bagi melancarkan proses penyelidikan. Dalam sesi perbincangan, pihak FAMA berkongsi pelbagai cabaran dalam menguruskan medan niaga ini, antaranya adalah kutipan sewa, kos penyelenggaraan, kelewatan kerja naik taraf Blok E serta isu kerjasama dengan vendor. Isu *Smart Parking* yang mendapat perhatian di media turut dibincangkan kerana dijangka memberi kesan kepada vendor dan pengunjung MNS.

Kesimpulannya, lawatan ini telah memberikan gambaran menyeluruh kepada para penyelidik dalam memahami operasi harian serta cabaran pengurusan MNS. Dapatan daripada lawatan ini bukan sahaja menjadi asas penting bagi pelaksanaan kajian penilaian yang akan datang, malah turut memperkukuh kefahaman penyelidik terhadap strategi, keberkesanan tadbir urus dan hala tuju organisasi pada masa hadapan.





Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9